

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, September 22, 2019 2:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Tonjol Keharmonian Negara Di Persada Antarabangsa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 SEPTEMBER 2019 / 22 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Pusat Budaya dan Seni

UUM TONJOL KEHARMONIAN NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengungguli anugerah *The Best Cultural Theme Performance* melalui persembahan tarian Perpaduan Malaysia pada Karnival Varsiti IMT-GT 2019 yang berlangsung di Universiti Walailak, Thailand, baru-baru ini.

Pengarah Pusat Budaya dan Seni (PBS), Huzaidy Hussain berkata, kejayaan itu membuktikan bahawa pelajar UUM boleh bekerja dalam satu kumpulan bagi mencapai kejayaan.

Menurutnya, Karnival IMT-GT berupaya mendidik generasi muda melalui aktiviti kebudayaan, sukan dan seminar dalam memupuk semangat kerjasama serta persefahaman serantau.

"Adalah menjadi tanggungjawab PBS dalam menyemai dan mendidik para pelajar supaya mempunyai semangat berpasukan yang tinggi, selain dapat meningkatkan lagi kerjasama antara negara dalam rumpunan ASEAN serta meningkatkan apresiasi seni.

"Kejayaan kumpulan kebudayaan UUM yang diwakili oleh 25 orang ini menjadi pemangkin untuk terus maju ke hadapan di samping mengharumkan nama UUM di persada antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Pengurus Pasukan Kebudayaan, Danial Muzaffar Suhairi berkata, kerjasama yang wujud dalam persembahan ini merupakan nilai dalam mengharmonikan hubungan sesama pelajar dari dalam dan luar negara.

Menurutnya, setiap universiti telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan seterusnya menjadi kesinambungan yang menarik.

Anugerah yang dimenangi UUM menerusi PBS itu diberi kepada kumpulan terbaik dengan mengambil kira semua aspek termasuk komitmen dalam kumpulan, latihan dan kombinasi antara universiti dalam mewakili negara yang terlibat dan menepati tema tahun ini iaitu *'Exploring ASEAN Through Multicultural Dance'*.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.